

Himpunan Kebangkitan Rakyat Bermula Aman
Mstar Online
12 Januari, 2013
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

KUALA LUMPUR: Himpunan Kebangkitan Rakyat (KL112) di Stadium Merdeka berlangsung dalam keadaan aman apabila semua peserta duduk memenuhi ruang tempat duduk dan di tengah padang.

Ribuan penyokong perhimpunan yang dianjurkan parti pembangkang itu hadir dengan memakai pakaian pelbagai warna mengikut pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu antaranya seperti Bersih, Gerakan Mansuh ISA (GMI) serta kumpulan Anti Lynas.

Sehingga pukul 2.30 petang, antara yang turut berhimpun di dalam stadium ialah Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali; Ahli Parlimen Rasah, Anthony Loke; Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pandamaran, Ronnie Iliu.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/1/12/mstar_berita/20130112143406&sec=mstar_berita